

Peranan ketara wanita dalam kepimpinan

Semakin ramai kaum Hawa kini menyandang jawatan penting dalam Kabinet, pertubuhan nasional dan badan setempat

► **HANIM MOHD SALEH**
hanim62@sph.com.sg

TAHUN ini Singapura telah melihat lebih ramai wanita diberi kepercayaan sebagai pemimpin, baik dalam politik mahupun dalam pertubuhan kemasyarakatan.

Terdapat sembilan wanita di antara barisan 37 pemegang jawatan politik – kumpulan pemegang jawatan wanita terbesar sejak kebelakangan ini – dengan dua di kalangnya adalah pendatang baru.

Salah seorang daripadanya ialah Ahli Parlimen (AP) Rahayu Mahzam, yang dilantik sebagai Setiausaha Parlimen (Kesihatan) mulai 1 September.

Cik Rahayu merupakan AP pertama Melayu wanita diberi jawatan sebegini selepas Presiden Halimah Yacob, yang sebelum ini Speaker Parlimen, membina kerjaya di arena politik.

Berusia 40 tahun, beliau yang telah menjadi AP GRC Jurong bagi Bukit Batok East sejak 2015 merupakan seorang peguam secara profesional, yang mengkhusus dalam litigasi sivil dan undang-undang keluarga. Dahulu beliau adalah Timbalan Pendaftar Mahkamah Syariah di Singapura.

Dalam siaran di Instagram baru-baru ini, beliau berkata: "Saya merasa rendah hati dengan kepercayaan dan peluang untuk terus berkhidmat dengan kapasti yang berbeza."

Selain Cik Rahayu, tiga lagi wanita Melayu/Islam turut dilantik menjadi AP baru – Cik Mariam Jaafar dan Cik Nadia Ahmad Samdin anggota Parti Tindakan Rakyat (PAP) dan Cik Raeesah Khan, anggota Parti Pekerja (WP), justeru menjadikan beliau AP Pembangkang wanita Melayu/Islam pertama.

Satu lagi kepimpinan yang mengukir sejarah tersendiri ialah perantikan Cik Guy Ghazali sebagai Presiden Kanan Mahkamah Syariah.

Mengumumkan perantikan itu kelmari, Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY) berkata Cik Guy menggantikan Ustaz Aliyan Yaseri Kuchit yang akan mengundurkan diri daripada jawatannya selepas 30 September ini.

Cik Guy sebelum ini adalah seorang pegawai khidmat perundangan di Perkhidmatan Perundangan Singapura, dan Hakim Daerah serta Penolong Pendaftar di Mahkamah Keadilan Keluarga.

Ini sekali gus menjadikan Cik Guy, 38 tahun, Presiden Kanan wanita yang pertama di Mahkamah Syariah.

Wanita juga dilihat menerajui kepimpinan di peringkat pertubuhan Melayu/Islam.

Yayasan Mendaki misalnya, sejak beberapa tahun lalu mempunyai wanita sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO). Ini termasuk Cik Moliah Hashim dan Cik Tuminah Sapawi. CEO terkini ialah Cik Zuraidah Abdullah, 57 tahun, yang diberi tanggungjawab memegang jawatan itu untuk kali kedua, mengambil alih jawatan daripada Cik Rahayu Buang sejak 1 Mac lalu.

Cik Zuraidah, yang juga wanita pertama menyandang jawatan penolong pesuruhjaya kanan (SAC) polis – antara pangkat tertinggi Pasukan Polis Singapura (SPF) – telah meninggalkan jawatannya sebagai komander domain (udara) di Penguasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA).

Mengulas tentang pelantikan itu, Cik Zuraidah berkata beliau mahu memperkukuh kedudukan Mendaki menerusi projek lama dan baru seperti inisiatif M Kuasa Tiga (M³).

Pihak madrasah juga lihat semakin terbuka menerima kepimpinan wanita sejak beberapa tahun lalu.

Sejarah tercipta bagi Madrasah Aljunied Al-Islamiah, apabila buat pertama kali sejak madrasah tersebut ditubuhkan pada 1927, telah melantik seorang wanita sebagai Pengetua atau Mudirah pada 2018.

Beliau ialah Cik Khairiana Zainal Abiden, yang mempunyai pendidikan sekular termasuk berkelulusan Sarjana Pendidikan dari Institut Pendidikan Kebangsaan (NIE) dan Sarjana Muda Sains dari Universiti Nasional Singapura (NUS) dan sebelum itu merupakan pelajar Sekolah Menengah Teknikal Tanjong Katong sebelum melanjutkan pendidikan ke Maktab Rendah Nanyang.

Pusat Harmoni pada 1 Julai lalu juga untuk pertama kali mempunyai wanita sebagai ketua, iaitu Ustazah Liyana Rosli Asmara. Beliau mengambil alih tugas itu daripada Ustaz Mohamed Ali Atan.

Beliau merupakan wanita pertama menyandang jawatan itu sejak pusat di Masjid An-Nabulhah Mosque di Bishan itu dibuka pada 2006 hasil inisiatif Majlis Ugama Islam Singapura (Muis).

Upacara penyerahan simbolik itu disaksikan lebih 40 pemimpin agama, masyarakat dan belia semasa satu sambutan dalam talian Hari Raya Silang Agama pada Jun lalu.



HALIMAH YACOB

Jawatan: Presiden wanita pertama Singapura
Latar belakang: Speaker Parlimen wanita pertama, Mantan Anggota Parlimen di GRC Marsiling-Yew Tee. Sebelum memasuki politik, Puan Halimah berkhidmat di Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC) dan menjadi pengarah jabatan khidmat guamannya pada 1992.



MARIAM JAAFAR

Jawatan: Anggota Parlimen GRC Sembawang
Latar belakang: Merah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Harvard Business School; dan Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Elektrik dari Universiti Stanford. Beliau kini bekerja sebagai Pengarah Urusan dan Rakan Kongsi di Boston Consulting Group.



NADIA AHMAD SAMDIN

Jawatan: Anggota Parlimen GRC Ang Mo Kio
Latar belakang: Merah pendidikan Sarjana Undang-Undang dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU). Beliau kini peguam dan pengarah bersekutu di TSMP Law Corporation. Beliau pernah menjadi penerbit program ehwal semasa di Channel NewsAsia (CNA). Cik Nadia juga aktif sebagai Ketua Belia di LBKM.



RAEESAH KHAN

Jawatan: Anggota Parlimen GRC Sengkang
Latar belakang: Wanita Melayu pertama daripada parti pembangkang yang memasuki Parlimen dan Anggota Parlimen termuda. Beliau lulusan ekonomi dan pemasaran dari Universiti Murdoch. Pada 2016, beliau menubuhkan Reyna Movement, sebuah pertubuhan yang bertujuan memperkasa wanita dan kanak-kanak yang dipinggirkan.